

**Umno Mungkin Ketengah Ramai Muka Baru Untuk PRU Ke-13 - Najib  
Bernama  
03 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Umno dijangka mengetengahkan lebih ramai muka baru pada pilihan raya umum akan datang berbanding pilihan raya umum yang lepas.

Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata langkah itu bukan sahaja bagi memperkukuhkan parti, malah turut untuk memperlihatkan Umno sebagai sebuah parti yang dinamik dan sentiasa sanggup melakukan pembaharuan.

"Ini memang biasa kita lakukan semasa pilihan raya...memang ada perubahan dan bagi sesetengah tempat kita dapati memang (perlu) ada pembaharuan.

"Mungkin pada kali ini, barisan yang kita (akan) ketengahkan bilangannya mungkin lebih ramai daripada pilihan raya yang lalu daripada segi muka baru..." kata Perdana Menteri pada sidang media selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno 2011, di sini.

Turut hadir pada sidang media itu Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mengulas lanjut, Najib berkata ada wakil rakyat Umno yang berjumpa dengan beliau secara peribadi, menyatakan kesanggupan untuk memberi laluan kepada muka baru.

Ditanya peratusan muka baru yang bakal diketengahkan, Najib berkata: "Tak bolehlah saya sebut, itu dalaman kita. Itu penilaian kita...saya akan bincang dengan rakan-rakan saya."

Mengenai cadangan perwakilan agar nama calon diumumkan lebih awal, Najib berkata perkara itu tidak boleh dilakukan terlalu awal ataupun terlalu lambat.

Kita tengah cari masa yang sesuai. Kalau dulu, saat-saat akhir kita dapati amat sukar tetapi kalau terlalu awal mungkin ada masalah lain," katanya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata wakil rakyat sedia ada yang menunjukkan prestasi baik mungkin dicalonkan semula pada pilihan raya umum ke-13.

"Sebab, apabila kita ajukan konsep 'winnable candidate' (calon boleh menang), kita tidak kata dua penggal atau tiga penggal lepas itu kita ganti. Kita pegang kepada prinsip 'winnable candidate', " katanya.

Ditanya sama ada Umno dan Barisan Nasional mengadakan perbincangan dengan Anggota Parlimen Konsensus Bebas untuk bertanding di kawasan tertentu, Najib berkata perkara itu akan ditentukan kemudian.

Menjawab soalan sama ada calon yang kalah pada pilihan raya umum lepas akan dicalonkan semula pada pilihan raya kali ini, Najib berkata perkara itu bergantung kepada kriteria 'winnable candidate'.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berharap wakil rakyat Umno yang tidak dicalonkan semula pada pilihan raya akan datang akan terus memberikan sokongan kepada calon baru yang dipilih pucuk pimpinan.

"Saya harap mereka sokong calon baru, sebab masa mereka naik orang sokong dia dan dia naik sebab ada orang beri laluan kepada dia, kalau tidak dia tak boleh naik.

"Jadi bila sampai masanya dia perlu berundur atas kepentingan parti, saya berharap dia faham dan dia akan sokong parti dan dia terima hakikat, dan dia sedar satu ketika dahulu dia dapat kebaikan dan mendapat sokongan dari orang lain," katanya.

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631687>